

Headline	Pendingin hawa guna banyak tenaga elektrik		
MediaTitle	Kosmo		
Date	22 Apr 2016	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Negara	Page No	3
ArticleSize	101 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 7,863		



## Pendingin hawa guna banyak tenaga elektrik

**KUALA LUMPUR** - Perbezaan suhu yang tinggi di dalam dan di luar rumah merupakan faktor utama yang menyebabkan kenaikan bil elektrik ketara bagi kebanyakan pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Menurut Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Mohd Nizar Hamidon, (gambar), cuaca panas di luar telah



mendorong pengguna meletakkan suhu rendah di dalam rumah dan memaksa kompresor alat pendingin hawa bekerja keras untuk menyejukkan rumah.

Beliau menyarankan pengguna meletakkan perbezaan suhu hanya empat darjah Celsius antara suhu di dalam rumah dan di luar rumah sebagai langkah penjimatan tenaga elektrik.

"Kalau perbezaan suhu di dalam dan di luar rumah hanya empat darjah Celsius tenaga yang digunakan tidak terlalu ketara.

"Tetapi sewaktu kita berdepan fenomena El Nino dengan suhu sehingga 39 darjah Celsius dan kita menetapkan suhu pendingin hawa sekitar 20 darjah Celsius di rumah, bayangkan jumlah tenaga elektrik yang digunakan.

"Pendek kata, suhu yang lebih rendah memaksa kompresor menggunakan lebih banyak tenaga elektrik," katanya kepada *Kosmo!* semalam.